

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 (8)

Tarikh : 23 Mac 2015

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 1/2015 – PENGGUNAAN STANDARD PROGRAM:

- i. **STANDARD PROGRAM : PENGAJIAN PERNIAGAAN**
- ii. **STANDARD PROGRAM : KOMPUTERAN**
- iii. **STANDARD PROGRAM : UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SYARIAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2009 dengan rujukan MQA 07/Jld.3(20) bertarikh 14 Oktober 2009.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dengan kerjasama panel standard program yang terdiri daripada ahli akademik, industri, badan profesional dan bukan profesional yang berkenaan dengan program pengajian telah membangunkan standard program bidang Pengajian Perniagaan dan mengkaji semula serta menambahbaik standard program bagi bidang Komputeran dan Undang-Undang dan Perundangan Syariah. Ketiga-tiga dokumen jaminan kualiti ini akan menjadi panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penawaran program di institusi masing-masing serta digunakan oleh semua pegawai dan ahli panel penilai MQA dalam proses penilaian program.

3. Standard program ini dibangunkan berpandukan kepada sembilan bidang jaminan kualiti di Malaysia serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). Selain itu, dokumen jaminan kualiti dibangunkan dengan hasrat membantu serta menjadi pemangkin kepada PPT dalam menjamin kualiti program di Malaysia.

4. Sehubungan itu, semua PPT yang menawarkan program dalam bidang Pengajian Perniagaan, Komputeran dan Undang-Undang dan Perundangan Syariah adalah tertakluk kepada penggunaan dokumen standard program ini bagi penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi. Sekiranya terdapat perbezaan antara standard program ini dengan standard program yang lebih khusus atau dengan syarat terdahulu yang ditetapkan oleh MQA atau kementerian, maka

standard yang lebih tinggi akan terpakai. Dokumen ini juga perlu dibaca bersama dengan MQF, Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Audit Institution*, COPIA) dan dasar pendidikan tinggi semasa. Walau bagaimanapun, PPT juga boleh menambah elemen-elemen yang bersesuaian dalam memastikan program tersebut selaras dengan keperluan negara dan amalan baik antarabangsa.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap dokumen standard ini adalah seperti butiran berikut:


BIL	TARIKH	PERKARA
1.	01 April 2015 sehingga 31 Mac 2016	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi untuk mematuhi keperluan dokumen standard ini.
2.	01 September 2015	<ul style="list-style-type: none">• Semua program baru yang memohon Akreditasi Sementara termasuk kurikulumnya hendaklah menggunakan dokumen standard ini sepenuhnya.• Dokumen standard ini akan digunakan sepenuhnya dalam proses penilaian MQA terhadap program pengajian.
3.	01 September 2015	<ul style="list-style-type: none">• Pengambilan pelajar pada dan selepas tarikh ini hendaklah mematuhi syarat kelayakan masuk seperti ketetapan dalam dokumen standard ini.

6. Selaras dengan penguatkuasaan pekeliling ini, maka perkara berkaitan standard program bagi bidang Pengkomputeran dan standard program bagi bidang Undang-Undang dan Syariah dalam Pekeliling MQA Bil.1/2009 adalah **terbatal**. Untuk makluman, standard program ini boleh dimuat turun di laman web MQA (www.mqa.gov.my).

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pegawai Eksekutif

Agensi Kelayakan Malaysia

No. Tel : 03-7956 9162 / 7968 7044

No. Faks : 03-7954 7125

Emel : mrujhan@mqa.gov.my

s.k.:

1. Y.A.B. Menteri Pendidikan Malaysia
Pejabat Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 10, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

2. YB. Menteri Pendidikan Malaysia II
Pejabat Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 18, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

3. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Setiausaha II
Pejabat Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

5. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 W.P PUTRAJAYA

6. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA
7. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P PUTRAJAYA